

# Pak Lah dianugerah Doktor Pembangunan Pertanian

**S**ERDANG: Sultan Sharafuddin Idris Shah berharap Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), dapat menghasilkan pendekatan pintar dan strategik bagi melindungi alam sekitar daripada pencemaran toksik.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah, kaedah pengeasan cap jari dihasilkan pusat yang ditubuhkan September lalu, membolehkan saintis mengenal pasti pihak yang mencemari alam sekitar.

“Saya mahu melihat penyelidikan UPM yang memberi kesan kepada masyarakat global,” katanya bertitah pada Majlis Konvokesyen Ke-33 UPM di sini, semalam.

Pada majlis itu, baginda yang juga Sultan Selangor turut menyempurnakan acara penganugerahan Ijazah Ke-hormat Doktor Pembangunan Pertanian UPM kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Anugerah itu sebagai mengiktiraf sumbangan Abdullah meningkatkan keupayaan negara sebagai pengeluar makanan, meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan menjadikan sektor pertanian sebagai punca pendapatan baru.

Abdullah berkata, visinya bagi sektor pertanian di negara ini amat jelas untuk menjadikan pertanian yang cekap dan produktif.

“Kita mungkin tidak mem-

punyai tanah terbentang luas, namun setiap inci tanah kita subur dan melalui perancangan yang betul mampu memberikan manfaat kepada rakyat dan negara.

“Jika semua perancangan ini berjalan lancar, negara kita pastinya mempunyai bekalan makanan mencukupi, dapat mewujudkan sumber pendapatan baru kepada rakyat melalui produk asas tani yang dihasilkan dan memulihara alam sekitar,” katanya dalam ucapan selepas majlis penganugerahan itu.

Turut hadir isteri beliau, Tun Jeanne Abdullah

Beliau berkata, kepentingan sektor pertanian sentiasa diberi keutamaan pada zaman pentadbirannya.